

بَابُ الْحَلَقِ وَالْجُلُوسِ فِي الْمَسْجِدِ

57- Bab Halaqah-Halaqah (Duduk beramai-ramai Dalam Bentuk Bulatan Dan Lingkaran)⁷⁴³ Dan Duduk (Dalam Bentuk-Bentuk Yang Lain) Di Dalam Masjid.⁷⁴⁴

⁷⁴³ Perkataan al-hilaq atau al-halaq adalah kata jama' bagi perkataan halqah atau halaqah. Ia bererti duduk beramai-ramai dalam bentuk bulatan dan lingkaran.

⁷⁴⁴ Tajuk bab ini mengandungi dua juzu' (bahagian). Pertamanya ialah Bab Halaqah-Halaqah (Duduk beramai-ramai Dalam Bentuk Bulatan Dan Lingkaran). Keduanya pula ialah Dan Duduk (Dalam Bentuk-Bentuk Yang Lain) Di Dalam Masjid. Selain bertujuan menyatakan keharusan duduk beramai-ramai dengan kaifiat tertentu di dalam masjid (seperti duduk dalam bentuk halaqah atau saf), Imam Bukhari juga mengadakan tajuk bab ini untuk beberapa tujuan yang lain. Antaranya ialah: (1) Menyatakan bentuk-bentuk duduk secara beramai-ramai yang sesuai di dalam masjid. Untuk mendengar ucapan, bertadarus, mengikuti pengajian atau kuliah, duduk dalam lingkaran atau bulatan (halaqah) adalah lebih baik dan lebih sesuai. Tetapi sebelum sembahyang Juma'at, duduk dalam bentuk saf lebih baik. (2) Kaifiat duduk masing-masing orang yang berada di dalam masjid itu pula tidak semestinya dalam bentuk iftirasy (seperti orang yang duduk dalam tahiyyat awal) atau tawarruk (seperti orang yang duduk dalam tahiyyat akhir). Bentuk-bentuk duduk yang lain seperti bersila, berpaut lutut, berlunjur dan lain-lain juga diharuskan, selagi ia dalam batas kesopanan di samping sesuai pula dengan keadaan dan masa. (3) Mangisyaratkan kepada beberapa hadits yang zahirnya kelihatan bertentangan dengan hadits-hadits di bawah bab ini. Pada hakikatnya tiada pertentangan langsung di antara hadits-hadits itu. Kerana masing-masing daripadanya berkaitan dengan keadaan-keadaan yang berbeza. Berikut dibentangkan tiga hadits yang zahirnya kelihatan bertentangan itu. (a) Jabir bin Samurah meriwayatkan, katanya: خَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ مَا لِي أَرَاكُمْ رَافِعِي إِبْيَاحِكُمْ كَأَنَّهُا لَكُنَابٌ خِزْلٌ شَمْسٌ اسْتَكْبَرُوا فِي الصَّلَاةِ قَالَ ثُمَّ خَرَجَ عَلَيْنَا فَرَأَانَا حَلَقًا فَقَالَ مَا لِي أَرَاكُمْ عَزِينَ قَالَ ثُمَّ خَرَجَ عَلَيْنَا فَقَالَ أَلَا تَصِفُونَ كَمَا تُصِفُ الْمَلَائِكَةَ عِندَ رَبِّهَا فَقُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَكَيْفَ تُصِفُ الْمَلَائِكَةَ عِندَ رَبِّهَا قَالَ يَتِمُّونَ الصُّوْفَ الْأَوَّلَ وَيَتَرَأَّصُونَ فِي الصَّفِّ Bermaksud: Pernah Rasulullah s.a.w. keluar kepada kami dan Baginda s.a.w. berkata: "Kenapa aku nampak kamu mengangkat tangan macam ekor kuda liar? Tenanglah ketika bersembahyang." Jabir bin Samurah berkata lagi: "Kemudian Nabi s.a.w. keluar pula kepada kami. Ketika itu dilihatnya kami dalam beberapa halaqah. Lantas beliau s.a.w. bersabda: "Kenapa aku nampak kamu berselerak dalam beberapa halaqah?" Kata Jabir seterusnya: "Kemudian Rasulullah s.a.w. keluar kepada kami lalu Baginda s.a.w. bersabda: "Kenapa kamu tidak membuat saf seperti saf para malaikat di hadapan Tuhan?" Maka kami bertanya: "Wahai Rasulullah, bagaimanakan saf malaikat di hadapan Tuhan?" Jawab Baginda s.a.w.: "Mereka menyempurnakan saf-saf di hadapan (terlebih dahulu) dan berdiri dengan lurus serta rapat-rapat dalam saf (masing-masing)." (Hadits riwayat Muslim, Ahmad, Abu Daud, Nasaa'i di dalam Sunan Kubranya dan Abu 'Awaanah di dalam Musnadnya). (b) 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Aash meriwayatkan, katanya: أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ التَّحَلُّقِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ قَبْلَ الصَّلَاةِ وَعَنْ الشُّرَاءِ وَالْبَيْعِ فِي الْمَسْجِدِ Bermaksud: Sesungguhnya Nabi s.a.w. melarang daripada membuat halaqah (bulatan) pada hari Juma'at sebelum sembahyang (Juma'at) dan (Baginda s.a.w. juga melarang daripada) berjual beli di dalam masjid. (Hadits riwayat Nasaa'i dan Abu Daud). (c) Huzaifah r.a. meriwayatkan: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَعَنَ مَنْ جَلَسَ وَسَطَ الْحَلَقَةِ Bermaksud: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. mela'nat orang yang duduk di tengah halqah (orang-orang yang duduk beramai-ramai dalam bentuk bulatan atau lingkaran). (Hadits riwayat Abu Daud, Tirmizi, Ahmad, Baihaqi, al-Bazzaar dan al-Haakim). Tirmizi menghukum hadits ini hasan sahih. Hadits (a) dan (b) pada zahirnya melarang kita daripada membuat halaqah di dalam masjid. Ia bahkan mendorong dan menggalakkan kita membuat saf ketika berada di dalamnya. Tetapi jika diperhatikan betul-betul, hadits-hadits itu sebenarnya tidaklah melarang membuat halaqah secara mutlaq (dalam semua keadaan). Yang dilarang ialah sebelum sembahyang Juma'at pada hari Juma'at atau sembahyang-sembahyang fardhu yang lain pada hari-hari lain. Sebabnya ialah halaqah-halaqah itu akan mengganggu dan menyukarkan orang-orang yang hendak bersembahyang sunat atau fardhu. Ia juga menyusahkan para jama'ah untuk membuat saf apabila hendak bersembahyang Juma'at

sebaik saja khatib selesai berkhotbah. Kecelaruhan pasti akan berlaku ketika para jama'ah hendak menukar kedudukan mereka daripada halaqah kepada saf, terutamanya ketika bilangan mereka agak ramai. Itulah maksud larangan Rasulullah s.a.w. daripada membuat halaqah sebelum sembahyang. Mungkin juga yang dilarang Rasulullah s.a.w. itu ialah membuat beberapa halaqah yang terpisah-pisah dalam keadaan orang yang akan berucap atau mengajar hanya seorang sahaja. Dalam keadaan itu mereka sepatutnya membuat hanya satu halaqah bukan beberapa halaqah. Imam Thahaawi berpendapat halaqah yang dilarang dibuat sebelum sembahyang itu ialah halaqah yang meliputi sekali ruang masjid sehingga menyukarkan orang-orang yang hendak bersembahyang. Tidak mengapa kalau tidak begitu keadaannya. Sesetengah ulama berpendapat halaqah yang ditegur Nabi s.a.w. di dalam hadits (a) dan (b) diatas ialah halaqah tanpa sebarang faedah dan tujuan. Ia menggambarkan perpecahan di sebalik perpaduan yang amat dikehendaki Rasulullah s.a.w. Larangan membuat halaqah yang tersebut di dalam hadits (b) dikaitkan dengan hari Juma'at dan sebelum sembahyang. Ia secara tidak langsung membayangkan keharusan membuat halaqah selepas sembahyang dan dalam keadaan tidak mengganggu orang-orang yang hendak bersembahyang atau dalam keadaan tidak akan menimbulkan kecelaruhan. Hadits (c) juga tidak harus difahami secara mutlaq, bahawa Nabi s.a.w. mela'nat setiap orang yang duduk di tengah halaqah. Ia seharusnya dikaitkan dengan konteks tertentu seperti orang yang duduk di tengah halaqah setelah melangkah dengan biadab belakang orang-orang yang telah duduk di bahagian hadapan halaqah. Atau orang yang duduk di tengah halaqah sehingga menghalang dan menyukarkan orang-orang yang berada di belakang melihat sesuatu yang dipertontonkan. Atau menurut at-Turpasyti (Fadhilullah Abu 'Abdillah at-Turpasyti al-Hanafi), orang yang terkutuk di dalam hadits ini ialah orang yang duduk di tengah halaqah sebagai pelawak, badut dan lain-lain yang melalaikan penonton. Penulis berpendapat, mungkin juga orang yang duduk di tengah halaqah yang dikutuk Nabi s.a.w. itu ialah orang jahat seperti peragut, pencuri dan lain-lain yang ditangkap lalu menjadi bahan ketawa, ejekan, cemoohan dan olok-olokan orang ramai. Kadang-kadang pula ia dipukul orang ramai untuk melepaskan geram mereka terhadapnya. Fenomena biasanya ialah orang seperti itu akan dikerumuni dan akan berada di tengah lingkaran atau halaqah orang ramai. Hadits ini sama sekali tidak harus dikaitkan dengan seseorang guru yang berada di tengah halaqah ketika mengajar atau seseorang penunjuk cara penggunaan sesuatu barang yang rumit digunakan. Ini kerana terbukti dalam sekian banyak hadits bahawa Rasulullah s.a.w. sendiri dikerumuni dan dilingkungi para sahabat dalam bentuk halaqah ketika Baginda menyampaikan sesuatu amanat atau ajaran agama secara amnya. **Al-Ismaa'ili (Abu Bakar Ahmad bin Ibrahim bin Isma'il bin al-'Abbaas Al-Ismaa'ili) mengkritik Bukhari** kerana mengemukakan hadits 452 dan 453 di bawah tajuk bab di atas. Bagi beliau kedua-dua hadits Ibnu 'Umar itu langsung tidak menyokong da'waan Bukhari, baik bahagian pertama tajuknya atau bahagian keduanya. Di dalamnya tidak tersebut perkataan halaqah dan tidak juga tersebut duduk di dalam masjid. Bagi al-Kirmaani, walaupun tidak tersebut perkataan halaqah atau duduk di dalam masjid di dalam kedua-dua hadits Ibnu 'Umar, namun kedua-duanya tetap menunjukkan para sahabat duduk dalam bulatan ketika Rasulullah s.a.w. berucap di atas mimbar. Demikianlah kebiasaan para sahabat apabila mendengar ucapan Baginda s.a.w. Terutamanya apabila Rasulullah s.a.w. berucap di atas mimbar. Hal ini menunjukkan duduk dalam bulatan (halaqah) tidak dilarang secara mutlaq oleh Baginda s.a.w. Malah ia merupakan kedudukan yang sesuai ketika belajar atau mendengar syarahan. Selain nampak wajah Rasulullah s.a.w. dan gerak-gerinya ketika berucap, duduk dalam bulatan (halaqah) juga menampakkan minat yang mendalam serta penumpuan sepenuh perhatian kepada ucapan Baginda s.a.w. Di samping semua yang tersebut itu, berada dalam halaqah juga memberi peluang kepada semua orang untuk lebih dekat dengan Baginda. Kelebihan-kelebihan ini tidak akan dicapai sekiranya mereka berada dalam saf. Kerana tentu sekali orang-orang yang berada di hujung saf sama ada di sebelah kiri atau kanan akan lebih jauh dari Nabi s.a.w. Dalam keadaan mengadap qiblat, dia juga akan mengalami kesukaran untuk melihat Rasulullah s.a.w. Kalau diandaikan mereka tidak duduk dalam bentuk bulatan sekalipun, tentu juga ketika mendengar ucapan Rasulullah s.a.w. di atas mimbar itu mereka duduk dengan cara masing-masing. Dengan itu terbukti juga bahagian kedua tajuk bab yang dibuat Bukhari di atas. Menurut al-Muhallab perihal Rasulullah s.a.w. berucap di atas mimbar itu sendiri menunjukkan secara iltizaam (dalalah iltizaamiyyah) bahawa para sahabatnya ketika itu duduk dalam bulatan seperti biasa apabila mereka menerima pengajaran dan bimbingan dari Baginda s.a.w. Maulana Rasyid Ahmad al-Ganggohi dan Maulana Zakariya juga sependapat dengan al-Muhallab dan al-Kirmaani dalam mengambil kira keadaan biasa para sahabat ketika mendengar ucapan Rasulullah s.a.w. Cuma mereka berdua menggunakan istilah الاستدلال بظاهر الحال (berdalilkan keadaan yang biasa berlaku) yang merupakan salah satu usul utama untuk memahami الترتيب والأبواب والترجم Sahih Bukhari. Di dalam Muqaddimah Laami'ud Daraari, Usul الاستدلال بظاهر الحال merupakan usul ke empat belas mengikut tertib

452 - حَدَّثَنَا مُسَدَّدٌ قَالَ حَدَّثَنَا بَشْرُ بْنُ الْمُفَضَّلِ حَدَّثَنَا عُبَيْدُ اللَّهِ عَنْ نَافِعٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ قَالَ سَأَلَ رَجُلٌ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ عَلَى الْمِنْبَرِ مَا تَرَى فِي صَلَاةِ اللَّيْلِ قَالَ مَثْنَى مَثْنَى فَإِذَا خَشِيَ الصُّبْحَ صَلَّى وَاحِدَةً فَأَوْتَرَتْ لَهُ مَا صَلَّى وَإِنَّهُ كَانَ يَقُولُ اجْعَلُوا آخِرَ صَلَاتِكُمْ وَتَرَا فَإِنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَ بِهِ

452- Musaddad meriwayatkan kepada kami, katanya: Bisyr bin al-Mufadhdhal meriwayatkan kepada kami, (katanya): Ubaidullah (bin `Umar al-`Umari) meriwayatkan kepada kami daripada Naafi' daripada `Abdillah bin `Umar, katanya: Pernah seorang lelaki bertanya Nabi s.a.w. ketika Baginda berada di atas mimbar. (Katanya): "Apa katamu (perintahmu) tentang sembahyang malam?" Nabi s.a.w. bersabda: "Dua dua raka'at.⁷⁴⁵ Apabila seseorang daripada kamu bimbang masuk waktu subuh, bersembahyanglah dia (pada ketika itu) satu raka'at yang akan menggantikan sembahyang-sembahyang yang telah dikerjakannya (sebelum itu)".⁷⁴⁶ Dan sesungguhnya

yang dibuat oleh Maulana Zakariya. Satu lagi persoalan yang mungkin ditimbulkan ialah di mana tersebut di dalam dua hadits Ibnu `Umar yang dikemukakan oleh Bukhari itu Rasulullah s.a.w. berucap di dalam masjid? Berucap di atas mimbar tidak semestinya di masjid. Ia boleh juga berlaku di mushalla misalnya. Jawab Hafiz Ibnu Hajar, itulah sebabnya Bukhari mengemukakan ta'liq al-Walid bin Katsir selepas hadits kedua Ibnu `Umar. Bukankah di dalamnya tersebut: Sesungguhnya ada seorang lelaki menyeru Nabi s.a.w. ketika Baginda berada di dalam masjid? Dengan itu terbukti sudah semua da'waan Bukhari di dalam tajuk bab di atas. Pada hakikatnya kedua-dua hadits Ibnu `Umar itu adalah hadits yang sama. Hadits mu'allaq al-Walid bin Katsir juga berkaitan dengan peristiwa yang sama. Hadits pertama iaitu hadits 452 menggambarkan pertanyaan seorang lelaki ketika Rasulullah s.a.w. berada di atas mimbar. Hadits 453 menggambarkan pertanyaan orang berkenaan ketika Rasulullah s.a.w. sedang berucap. Hadits mu'allaq al-Walid bin Katsir pula menggambarkan pertanyaan orang itu berlaku di dalam masjid. Kesimpulannya ialah Nabi s.a.w. pernah ditanya ketika Baginda berucap di atas mimbar di dalam masjid.

⁷⁴⁵ Hadits ini menjadi pegangan Malik tentang bilangan raka'at sembahyang malam adalah dua-dua raka'at. Tidak boleh melebihinya. Syafi'e mengharuskan lebih dari dua raka'at tanpa ada had. Tetapi beliau berpendapat sembahyang sunat lebih afdhal dikerjakan dua-dua raka'at sama ada pada waktu malam atau siang. Ahmad mengharuskan sembahyang malam hingga empat raka'at. Abu Hanifah berpendapat sembahyang sunat, baik pada waktu siang atau malam lebih afdhal dikerjakan empat-empat raka'at. Abu Yusuf dan Muhammad bin Hasan asy-Syaibani pula berpendapat pada waktu siang lebih elok dikerjakan empat-empat raka'at. Pada waktu malam pula lebih elok dikerjakan dua-dua raka'at. Pendapat Bukhari dalam masalah ini lebih kurang sama dengan pendapat Syafi'e.

⁷⁴⁶ Kenyataan Rasulullah s.a.w. di sini jelas menunjukkan sekurang-kurang raka'at witir ialah satu raka'at. Inilah yang menjadi pegangan Bukhari, Syafi'e, Ahmad, Abu Tsaur, Ishaq, Daud az-Zahiri dan lain-lain. Selain hadits ini mereka juga berpegang dengan dua hadits berikut ini. Pertama hadits Ibnu `Umar. Beliau berkata Rasulullah s.a.w. bersabda: *الوتر ركعة من آخر الليل*. Bermaksud: "Witir itu satu raka'at di penghujung malam." (Hadits riwayat Muslim, Abu Daud, Ahmad, Nasaa'i, Ibnu Hibbaan, Baihaqi, Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain). Kedua hadits Abi Ayyub al-Anshaari r.a. Beliau berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda: *الوتر حق فمن شاء أوتر بخمس ومن شاء أوتر بثلاث ومن شاء أوتر بواحدة*. Bermaksud: "Witir itu adalah sesuatu yang mesti. Seseorang boleh mengerjakannya lima raka'at atau tiga raka'at. Dia juga boleh mengerjakannya satu raka'at sahaja." (Hadits riwayat an-Nasaa'i, Ibnu Majah, Daraquthni, Haakim, Thabaraani, Ibnu Hibbaan, Abu Daud, Ahmad, Baihaqi dan lain-lain). Abu Hanifah dan Malik pula berpendapat tiga raka'at. Cuma Abu Hanifah mengatakan tiga raka'at dengan satu salam seperti sembahyang maghrib. Malik pula mengatakan tiga raka'at dengan dua salam. Kata Ibnu al-`Arabi: "Tiada sembahyang boleh dikerjakan satu raka'at sahaja kecuali witir." Al-`Aini menyebutkan nama sebahagian daripada tokoh dari kalangan sahabat

Nabi s.a.w. selalu bersabda: “Bersembahyanglah Witir sebagai sembahyangmu yang terakhir (di waktu malam)”.⁷⁴⁷ (Kata Ibnu ‘Umar) Sesungguhnya Nabi s.a.w. menyuruh (kita) berbuat begitu.

453- حَدَّثَنَا أَبُو التُّعْمَانِ قَالَ حَدَّثَنَا حَمَّادُ بْنُ زَيْدٍ عَنْ أَبِي بَرْزَةَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَخْطُبُ فَقَالَ كَيْفَ صَلَاةُ اللَّيْلِ فَقَالَ مَثْنَى مَثْنَى فَإِذَا خَشِيتَ الصُّبْحَ فَأَوْرِزْ بِوَاحِدَةٍ تَوْرِزُ لَكَ مَا قَدْ صَلَّيْتَ قَالَ الْوَلِيدُ بْنُ كَثِيرٍ حَدَّثَنِي عُمَيْرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ حَدَّثَهُمْ أَنَّ رَجُلًا نَادَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ فِي الْمَسْجِدِ

453- Abu an-Nu'man (Muhammad bin al-Fadhl) meriwayatkan kepada kami, katanya: Hamaad bin Zaid meriwayatkan kepada kami daripada Ayyub (as-Sakhtiaani) daripada Naafi' daripada Ibnu 'Umar bahawa ada seorang lelaki datang kepada Nabi s.a.w. ketika Baginda sedang berkhotbah (berucap) lalu dia bertanya: “Bagaimana sembahyang

yang pernah mengerjakan sembahyang witir dengan satu raka'at sahaja. Mereka ialah Abu Bakar as-Shiddiq, 'Umar, 'Utsman, Sa'ad bin Abi Waqqash, Ibnu 'Abbaas, Mu'aawiah, Abu Musa al-Asy'ari, Ibnu az-Zubair dan 'Aaisyah r.a. Perbincangan lebih terperinci tentang sembahyang malam dan witir in syaa' Allah akan datang nanti pada babnya

⁷⁴⁷ Sabda Rasulullah s.a.w. ini menunjukkan sembahyang witir lebih afdhal dikerjakan paling akhir di waktu malam selepas mengerjakan sembahyang-sembahyang sunat yang lain. Dalam terjemahan di atas, perkataan (di waktu malam) saya letakkan di dalam kurungan, kerana di dalam matannya tidak tersebut perkataan بالليل selepas perkataan صَلَاتِكُمْ. Oleh kerana ia memang tersebut di dalam nuskah-nuskah al-Ashili, Kusymaihani, Abil Waqt dan Ibnu 'Asaakir, tidak salah juga kalau dibuang kurungan itu. Hadits Ibnu 'Umar ini diulang sebut oleh Bukhari pada lima tempat lain selain di sini. Pertamanya ialah hadits selepas ini. Kedua dan ketiganya ialah di bawah باب ما جاء في الوتر. Keempatnya di bawah: باب ساعات الوتر. Kelimanya ialah di bawah: باب كيف كان صلاة النبي صلى الله عليه وسلم وكيف كان النبي صلى الله عليه وسلم يصلي من الليل. Antara pengajaran, panduan dan hukum yang terdapat di dalam hadits ini dan hadits selepasnya ialah: (1) Sembahyang malam lebih elok dikerjakan dua-dua raka'at. Maksudnya ialah ada salam pada setiap dua raka'at. (2) Sembahyang witir lebih elok dikerjakan di penghujung malam selepas selesai mengerjakan sembahyang-sembahyang sunat malam yang lain. (3) Sembahyang witir harus juga dikerjakan di awal malam sebelum tidur. Tetapi kepada orang yang yakin dapat bangun di penghujung malam, mengerjakan sembahyang witir paling akhir di waktu malam itulah yang lebih afdhal. (4) Waktu untuk sembahyang witir berakhir dengan masuknya waktu Subuh. (5) Sembahyang witir lebih afdhal dibuat selepas seseorang telah mengerjakan sembahyang genap sebelumnya. Mengerjakan satu raka'at sahaja sembahyang witir tanpa mengerjakan sembahyang sunat yang genap sebelumnya juga diharuskan. Ia juga merupakan sunnah Nabi s.a.w. (6) Keharusan menjawab soalan seseorang di hadapan orang ramai supaya mereka juga mendapat menafa'at daripada jawapan yang diberikan. (7) Kebanyakan ulama mengatakan sembahyang witir adalah sunat. Tetapi ada juga yang berpendapat witir wajib. Orang-orang yang menganggapnya sunat bagaimanapun mengatakan ia adalah sembahyang sunat yang paling afdhal, kerana Rasulullah s.a.w. tidak pernah meninggalkannya sama ada ketika Baginda berada di rumah atau ketika bermusafir. Di samping terdapat banyak hadits yang menyuruh kita mengerjakannya, banyak pula hadits-hadits Rasulullah s.a.w. yang menyatakan kelebihanannya. (8) Jawapan khatib terhadap persoalan-persoalan agama yang dikemukakan ketika dia sedang berucap (berkhutbah) tidak menjejaskan ucapannya. (9) Mendengar khutbah dengan teliti dalam keadaan duduk adalah salah satu amalan yang mulia dan sopan. Apalagi jika duduk dalam halaqah. (10) Para sahabat biasanya membuat halaqah ketika mendengar ucapan Rasulullah s.a.w. Terutamanya ketika Baginda s.a.w. berucap di atas mimbar. (11) Witir termasuk salah satu sembahyang malam yang sangat-sangat digalakkan kita mengerjakannya.

malam?” Nabi s.a.w. menjawab: “Dua dua raka’at. Sekiranya kamu bimbang masuk waktu subuh, kerjakanlah satu raka’at yang akan mengganjilkan sembahyang-sembahyang yang telah kamu kerjakan sebelum itu”. Kata al-Walid bin Katsir: ‘Ubaidullah bin ‘Abdullah meriwayatkan kepada saya bahawa Ibnu ‘Umar meriwayatkan kepada mereka: Sesungguhnya ada seorang lelaki menyeru Nabi s.a.w. ketika Baginda berada di dalam masjid.⁷⁴⁸

454- حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُسُفَ قَالَ أَخْبَرَنَا مَالِكٌ عَنْ إِسْحَاقَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي طَلْحَةَ أَنَّ أَبَا مَرْثَةَ مَوْلَى عَقِيلِ بْنِ أَبِي طَالِبٍ أَخْبَرَهُ عَنْ أَبِي وَاقِدٍ اللَّيْثِيِّ قَالَ بَيْنَمَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الْمَسْجِدِ فَأَقْبَلَ ثَلَاثَةَ نَفَرٍ فَأَقْبَلَ اثْنَانِ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَذَهَبَ وَاحِدٌ فَأَمَّا أَحَدُهُمَا فَرَأَى فُرْجَةً فِي الْحَلَقَةِ فَجَلَسَ وَأَمَّا الْآخَرُ فَجَلَسَ خَلْفَهُمْ فَلَمَّا فَرَغَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ أَلَا أُخْبِرُكُمْ عَنِ النَّفَرِ الثَّلَاثَةِ أَمَّا أَحَدُهُمْ فَأَوَى إِلَى اللَّهِ فَأَوَاهُ اللَّهُ وَأَمَّا الْآخَرُ فَاسْتَحْيَا فَاسْتَحْيَا اللَّهُ مِنْهُ وَأَمَّا الْآخَرُ فَأَعْرَضَ فَأَعْرَضَ اللَّهُ عَنْهُ

454- ‘Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepada kami daripada Ishaq bin ‘Abdillah bin Abi Thalhah (bin Sahal al-Anshaari r.a.) bahawa Aba Murrah (Yazid) maula ‘Aqil bin Abi Thalib memberitahunya daripada Abi Waaqid (al-Haarits bin ‘Auf) al-Laitsi,⁷⁴⁹ katanya: Ketika Rasulullah s.a.w. sedang berada di dalam masjid, tiba-tiba datang tiga orang.⁷⁵⁰ Dua orang dari mereka terus pergi kepada Rasulullah dan yang seorang lagi pergi (meninggalkan majlis itu). Salah seorang dari dua orang yang pergi kepada Rasulullah s.a.w. itu nampak ada kekosongan dalam

⁷⁴⁸ Ta’liq ini diwashalkan oleh Muslim di dalam Sahihnya. Bukhari mengemukakannya secara ta’liq bukan untuk mengisyratkan kepada kedha’ifannya tetapi semata-mata untuk meringkaskannya. Ini kerana perawi-perawi Muslim itu merupakan perawi-perawi Sahih Bukhari juga. Maka dengan itu ia menepati syaratnya. Untuk lebih jelas, berikut dikemukakan hadits Muslim yang maushul itu:

وَحَدَّثَنَا أَبُو كُرَيْبٍ وَهَارُونُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَا حَدَّثَنَا أَبُو أَسَامَةَ عَنْ الْوَلِيدِ بْنِ كَثِيرٍ قَالَ حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَنَّ ابْنَ عُمَرَ حَدَّثَهُمْ أَنَّ رَجُلًا نَادَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ فِي الْمَسْجِدِ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ كَيْفَ لَوْ نَزَلُ صَلَاةُ اللَّيْلِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ صَلَّى فَلْيَصِلْ مَثْنَى مَثْنَى فَإِنْ أَحْسَنَ أَنْ يُصْبِحَ سَجْدَةً فَاتَوَرَّتْ لَهُ مَا صَلَّى قَالَ أَبُو كُرَيْبٍ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ وَلَمْ يَقُلْ ابْنُ عُمَرَ

Bermaksud: Sesungguhnya ada seorang lelaki menyeru Rasulullah s.a.w. ketika Baginda berada di dalam masjid. Kata orang itu: “Wahai Rasulullah! Bagaimana saya hendak witirkan sembahyang malam?” Jawab Rasulullah s.a.w.: “Sesiapa yang bersembahyang (malam), dia hendaklah mengerjakannya dua-dua raka’at. Apabila dia merasakan Subuh sudah hampir masuk, bersembahyanglah dia satu raka’at yang akan mewitirkan (mengganjilkan raka’at-raka’at) sembahyang yang telah dikerjakannya.” (Lihat Sahih Muslim- (باب صَلَاةِ اللَّيْلِ مَثْنَى مَثْنَى وَالْوُتْرُ رَكْعَةً مِنْ آخِرِ اللَّيْلِ). Tujuan Imam Bukhari membawa hadits al-Walid bin Katsir di sini ialah untuk membenarkan apa yang disebutkan di dalam tajuk bab di atas iaitu ‘di dalam masjid’.

⁷⁴⁹ Menurut sesetengah ulama Abu Waaqid adalah salah seorang ahli Badar (sahabat yang telah ikut serta bersama Rasulullah s.a.w. dalam peperangan Badar). Haditsnya yang diriwayatkan daripada Nabi s.a.w. berjumlah dua puluh empat sahaja. Daripada dua puluh empat itu, Bukhari mengambil hanya satu hadits ini sahaja daripada beliau. Beliau wafat pada tahun 68H.

⁷⁵⁰ Hafiz Ibnu Hajar berkata: “Saya tidak dapat mengesan nama ketiga-tiga orang yang datang ini.

bulatan (halaqah atau lingkaran orang-orang yang duduk di dalam masjid). Dia pun pergi duduk (di tempat kosong itu).⁷⁵¹ Yang seorang lagi pula duduk di belakang mereka. Setelah selesai majlis, Rasulullah s.a.w. bersabda: “Tak mahukah kamu aku ceritakan kepadamu tentang tiga orang tadi? Yang pertama mahukan perlindungan Allah, maka Allah melindunginya.⁷⁵² Yang kedua berasa malu, maka Allah malu juga kepadanya.⁷⁵³ Manakala yang ketiga pula berpaling pergi, maka Allah (juga) berpaling darinya.”⁷⁵⁴

⁷⁵¹ Di sinilah letaknya kesesuaian hadits ini dengan tajuk bab yang dibuat Bukhari. Di dalamnya tersebut dengan terang kedua-dua juzu' (bahagian) yang dibentangkan oleh Bukhari sebagai da'waannya di dalam tajuk bab, iaitu halaqah-halaqah dan duduk di dalam masjid.

⁷⁵² Apabila dia melihat ada kekosongan di ruang hadapan, dia terus pergi mengisi kekosongan itu tanpa rasa malu kerana lewat sedikit datang. Mungkin juga dia ke hadapan supaya dapat mendengar dengan baik segala pengajaran Rasulullah s.a.w. Tindakan yang seperti itu juga menggambarkan minatnya yang mendalam untuk menimba ilmu dari Rasulullah s.a.w. Maksud sabda Nabi s.a.w. “Yang pertama mahukan perlindungan Allah, maka Allah melindunginya” ialah orang yang minat dan bersungguh-sungguh mendalami ilmu agama sebenarnya mendapat perlindungan Allah. Apa yang dimaksudkan dengan perlindungan Allah ialah penjagaan, inayat, rahmat dan keredhaanNya atau perlindungan Allah di bawah naungan 'arasyNya pada hari kiamat nanti.

⁷⁵³ Perasaan malu orang yang kedua ini mungkin timbul kerana beberapa faktor berikut: (1) Malu kepada Rasulullah s.a.w. dan para hadirin kerana datang lewat (الاستحياء من الرسول صلى الله عليه وسلم والحاضرين من أجل التأخر), setelah orang-orang yang datang terlebih dahulu membuat beberapa halaqah. Dia merasakan tidak wajar meredah halaqah-halaqah di hadapannya untuk berada dekat dengan Rasulullah s.a.w. Perbuatan itu mungkin akan menyinggung perasaan orang-orang yang telah pun berada dalam halaqah-halaqah yang hampir dengan Rasulullah s.a.w. Baginya langkah yang paling wajar diambil oleh orang sepertinya ialah berada dalam halaqah di belakang bukan di hadapan. Inilah faktor atau sebab yang dipilih oleh Qadhi 'Iyaadh, Imam Nawawi, as-Suyuthi dan ramai lagi tokoh yang lain. Bagi mereka kedudukan orang yang kedua ini lebih afdhal (baik) daripada orang yang pertama kerana ada padanya dua sifat utama. Pertama: Orang ini juga mahukan perlindungan Allah. Dia juga turut mendengar pengajaran Rasulullah s.a.w. seperti orang yang pertama. Dengan itu dia juga mendapat kelebihan yang didapati orang yang pertama. Kedua: Sifat malu. Kerana sifat malulah dia tidak sanggup melangkah belakang orang-orang yang duduk di halqah hadapan. Kerana sifat malulah juga dia tidak mahu bersesak-sesak sehingga mengganggu orang ramai untuk sampai ke hadapan. Kerana malu kepada Rasulullah s.a.w. dan para hadirinlah dia tidak mara ke hadapan malah telah memilih untuk duduk di belakang saja. (2) Malu untuk melangkah belakang orang-orang yang duduk di hadapan dan malu bersesak-sesak sehingga mengganggu orang ramai untuk sampai ke hadapan (الاستحياء من تخطى الرقاب والمزاحمة). Sebab ini dipilih oleh al-Baaji, as-Suyuthi dan Rasyid Ahmad al-Ganggohi. (3) Malu meninggalkan majlis Rasulullah s.a.w. (الاستحياء من الذهاب من مجلس رسول الله صلى الله عليه وسلم). Haakim meriwayatkan daripada Anas bahawa: Yang kedua juga telah pergi sedikit (mungkin beberapa langkah). Kemudian datang kembali lalu duduk (ومضى الثاني قليلا ثم جاء فجلس). Imam az-Zahabi di dalam Talkhish al-Mustadraknya mengatakan hadits ini sahih. Berdasarkan riwayat Haakim ini, mungkin juga orang yang kedua tidak pergi seperti orang yang ketiga semata-mata kerana malu meninggalkan majlis Rasulullah s.a.w. Hafiz Ibnu Hajar memilih yang ketiga ini sebagai sebab. Kerana itu beliau berpendapat orang yang kedua ini tidak lebih afdhal (baik) daripada orang yang pertama. (4) Syah Waliyyullah berkata: “Ayat ini boleh dipakai sebagai ayat pujian atau ayat celaan. Jika ia dipakai dengan ma'na الاستحياء من تخطى الرقاب iaitu malu untuk melangkah belakang orang-orang yang duduk di hadapan dan malu bersesak-sesak sehingga mengganggu orang ramai untuk sampai ke hadapan, maka itu bererti pujian. Tetapi jika ayat ini dipakai dengan ma'na الاستحياء من أخذ العلم iaitu malu (dalam) belajar, maka ia bererti celaan.” Seseorang yang malu dalam belajar mungkin akan mengelak diri daripada berhadapan dengan guru. Mungkin tidak bertanya apa yang terbuku di hati. Mungkin juga dia merasakan dirinya terhina atau rendah apabila berguru dengan orang lain. Dan banyak lagi kemungkinan lain yang semuanya adalah tercela. Maksud “Allah malu juga kepadanya” ialah Allah memberi balasan yang setimpal dengan

perbuatannya atau Allah mengasihkaninya dan tidak menghukumnya kerana perbuatannya itu. Mungkin juga ia bererti Allah memberikan ilmu dan sebagainya kepada orang itu seperti seseorang yang memberikan sesuatu kerana malu sahaja. Ia tentu sekali tidak memberinya dengan melimpah-ruah dan sepenuh hati. Pemberiannya hanyalah sekadar-kadaran sahaja.

⁷⁵⁴ Maksudnya ialah orang yang berpaling dari mengikuti pengajaran Rasulullah s.a.w. sama seperti orang yang berpaling dari mengikuti pengajaran Allah s.w.t. sendiri. Akibatnya ia tidak dirahmati Allah, malah dimurkaiNya. Imam Nawawi berkata: "Seharusnya difahami bahawa orang yang ketiga ini berpaling pergi meninggalkan majlis Nabi s.a.w. tanpa sebarang ke'uzuran dan keperluan." Tetapi Ibnu 'Abdil Barr berpendapat: "Taujih (pandangan) sedemikian hanya perlu, kalau dipastikan orang itu memang seorang mu'min. Sedangkan mungkin sekali orang itu seorang munafiq. Kerana seorang munafiq sahaja dapat meninggalkan majlis Nabi s.a.w. dengan berpaling pergi seperti itu." Zahir sabda Nabi s.a.w. di penghujung hadits ini, "maka Allah (juga) berpaling darinya", menunjukkan Rasulullah s.a.w. telah mengetahui tentang kejahatan atau kemunafiqan orang yang ketiga itu dari Allah s.w.t. sendiri. Perkataan-perkataan إيواء (melindungi / memberi perlindungan), استحياء (malu) dan إعراض (berpaling) yang dikaitkan dengan Allah di dalam hadits ini termasuk dalam متشابهات الحديث (hadits-hadits yang zahirnya menampakkan Allah menyerupai makhluknya). Dalam menghadapi hadits-hadits seperti ini para ulama Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah terbahagi kepada dua golongan. Pertama: Golongan Salaf. Mereka berpendapat hadits-hadits seperti ini seharusnya diterima tanpa sebarang ta'wilan dengan mengitsbatkan (menerima) ma'na lahirnya dan menyerahkan ma'na sebenarnya kepada Allah di samping tidak menyerupakanNya dengan mana-mana makhlukNya. Hadits di atas sebagai contoh, mengatakan Allah malu. Seharusnya diterima ma'na lahirnya bahawa Allah memang bersifat dengan sifat malu, tetapi sifat malu yang layak denganNya. Hakikat sifat itu kita serahkan saja kepadaNya tanpa menyerupakannya dengan sifat malu mana-mana makhluk. Maha Suci Dia daripada menyerupai makhlukNya. (ليس كمثله شيء). Kedua: Golongan Khalaf. Apabila berhadapan dengan hadits-hadits seperti ini mereka biasanya menta'wil. Boleh dikatakan kesemua pensyarah Sahih Bukhari yang dahulu dan kemudian, begitu juga pensyarah-pensyarah kitab-kitab hadits lain memakai qaedah ta'wil di sini. Sama ada Kirmaani, Hafiz Ibnu Hajar, al-'Aini, al-Qasthallaani, as-Suyuthi atau al-Ganggohi, semuanya mengatakan perkataan-perkataan إيواء (melindungi / memberi perlindungan), استحياء (malu) dan إعراض (berpaling) di sini diguna Rasulullah s.a.w. sebagai majaaz (bahasa kiasan dan pinjaman). Majaaz yang diguna Rasulullah s.a.w. di sini ialah majaaz musyaakalah dan muqaabalah (مجاز المشاكلة والمقابلة) serta majaaz mursal di bawah bab menyebutkan malzum bagi sesuatu tetapi yang dimaksudkan ialah lazimnya (من باب ذكر الملزوم وإرادة اللازم). Ini kerana bagi mereka sifat-sifat tersebut itu adalah sifat-sifat makhluk yang mustahil ada pada Allah. Maka ia semestinya dita'wil. Penggunaan majaaz musyaakalah dan muqaabalah bererti menggunakan perkataan yang zahirnya sama tetapi maksud dan ma'nanya berbeza. Menyebutkan malzum bagi sesuatu tetapi yang dimaksudkan ialah lazimnya (sesuatu yang mesti ada apabila ada malzumnya) pula bererti menyebutkan punca sesuatu tetapi yang dimaksudkan ialah hasil atau natijahnya. Faedah penggunaan majaaz di sini antara lainnya ialah untuk: (1) Menjelaskan sesuatu perkara secara logik. (2) Mendekatkan sifat Allah yang tidak menyerupai makhluk kepada kefahaman manusia. (3) Menerangkan sesuatu yang samar. (4) Mengindahkan bahasa. (5) Menyatakan keharusan menggunakan pelbagai gaya bahasa yang seni. Perkataan إيواء yang asalnya bererti memberi tempat, menjadikan tetamu dan melindungi / memberi perlindungan dita'wil dengan Allah mahukan kebaikan untuknya. Apabila seseorang memberi perlindungan kepada anda, bererti ia mahukan kebaikan untuk anda. Memberi perlindungan adalah malzum dan mahukan kebaikan adalah laazimnya. Apakah yang mesti ada pada seseorang yang memberi perlindungan kepada anda? Yang mesti ada padanya ialah ia mahukan kebaikan untuk anda. Perkataan استحياء yang asalnya bererti malu, dita'wil dengan tidak menyiksa, tidak menghukum atau mema'afkan. Ya'ni Allah tidak menghukum atau tidak menyiksa orang yang berasa malu itu. Dia bahkan mema'afkannya. Apakah yang mesti ada pada seseorang yang malu kepada anda? Yang mesti ada ialah ia mema'afkan anda kalau anda melakukan sesuatu kesilapan. Mema'afkan seseorang adalah sesuatu yang laazim (mesti ada) pada anda apabila anda berasa malu kepadanya. Rasa malu itulah malzumnya. Perkataan إعراض yang asalnya bererti berpaling itu pula dita'wilkan dengan marah, murka atau penghinaan. Itulah yang dikatakan menyebut malzum (berpaling) tetapi yang dimaksudkan ialah laazimnya iaitu marah, murka atau penghinaan. Ya'ni Allah memurkai dan menghinakan orang yang berpaling daripada pengajarannya. Perhubungan di antara ma'na sebenar sesuatu perkataan dengan ma'na majaazinya mesti ada apabila perkataan itu diguna secara majaaz. Apakah perhubungannya? Perhubungannya ialah kemestian atau لزوم. Sementara qarinah atau perkara yang mendorong ma'na sebenar tidak dipakai pula ialah 'aql. 'Aqallah yang menghalang dan menegah kita menggunakan

perkataan-perkataan yang tersebut di dalam hadits itu dengan ma'na sebenarnya. Kalau ma'na sebenarnya diguna, tentu Allah akan kelihatan menyerupai makhlukNya. Inilah perkara yang tidak dapat diterima 'aql. Sesetengah ulama dari golongan Khalaf memakai qaedah tasybih dalam menyelesaikan hadits-hadits seperti ini. Bagi merteka hadits di atas seharusnya ditaqdirkan: *يفعل الله تعالى كما يفعل الموزي والمستحي والمعرض* Bermaksud: Allah melakukan terhadapnya seperti yang dilakukan oleh orang yang memberi perlindungan, orang yang malu dan orang yang berpaling. Kedua-dua cara Salaf dan Khalaf ini sah dan diterima di sisi Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah. Syeikh Ibrahim al-Laqqani misalnya merakamkan keabsahannya, mewakili para ulama Ahli as-Sunnah wa al-Jama'ah dari kalangan Asyaa'irah yang mu'tabar, dalam serangkap nazam yang diabadikan di dalam Jauharatu at-Tauhidnya. Kata beliau: *وكل نص لوهم التشبيه أو فوض ورم تزئيه* Bermaksud: Setiap nas yang mengelirukan keserupaan (Allah dengan makhlukNya), engkau ta'wilkanlah (menurut Khalaf) atau serahkanlah (ma'na sebenarnya kepada Allah di samping mengisbatkan ma'na zahirnya menurut Salaf), dan engkau percayalah akan kesucian Allah daripada menyerupai makhlukNya. **Antara pengajaran, hukum dan panduan** yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Orang yang berada dalam majlis ilmu sebenarnya berada dalam perlindungan Allah dan rahmatNya. (2) Kata Ibnu Batthaal: "Orang 'alim seharusnya memberi peluang kepada para penuntut ilmu untuk belajar dengannya. Itulah maksud sabda Nabi s.a.w. *فاواه الله* (maka Allah melindunginya)." (3) Sifat malu adalah suatu sifat mulia yang mengangkat seseorang ke darjat tertinggi melebihi orang-orang lain. Ia menjadikan seseorang bersopan santun dan berkelakuan baik. Tetapi malu dalam menuntut ilmu adalah sesuatu yang tercela. (4) Orang yang pergi menghadap orang alim dan menghadhiri majlisnya kerana malu sekalipun akan mendapat balasan yang setimpal dengan perbuatannya. Allah tetap mengasihani dan merahmatinya. (5) Orang yang berpaling dari majlis ilmu ugama dan berzikir di masjid. (7) Keelokan berada dekat dengan guru ketika belajar supaya dapat mendengar dan memerhatikan dengan baik segala pengajarannya. (8) Keelokan memuji orang yang melakukan sesuatu perbuatan yang baik. (9) Keharusan menyebutkan keburukan seseorang dengan tujuan menyekat orang lain daripada melakukan seumpamanya. Ia tidak termasuk dalam mengumpat. Terutamanya apabila orang itu melakukannya secara terbuka. (10) Termasuk dalam salah satu adab majlis ialah duduk di bahagian belakang sekiranya bahagian hadapannya telah penuh. Membangunkan orang dari tempat duduknya, melangkah belakang orang untuk pergi ke hadapan, merempuh dan lain-lain tindakan kasar dikira antara kebiadaban dalam majlis. (11) Antara adab majlis lagi ialah memenuhi tempat duduk di hadapan yang masih kosong. Meredah halaqah, saf atau tempat-tempat duduk di hadapan dengan penuh sopan untuk pergi ke tempat kosong di bahagian hadapan adalah suatu perbuatan yang terpuji. (12) Adalah lebih elok guru, penceramah dan sebagainya menghabiskan dahulu sesuatu perbincangan sebelum mengemukakan apa-apa pertanyaan kepada para pelajar atau peserta. (13) Orang yang sampai dahulu ke sesuatu majlis ilmu yang terbuka berhak memilih tempat duduk untuk dirinya. Tempat yang paling patut dipilihnya ialah yang berdekatan dengan guru. (14) Memenuhi ruang kosong dalam halaqah juga digalakkan seperti digalakkan memenuhi ruang kosong dalam saf sembahyang. (15) Pujian dan sanjungan Rasulullah s.a.w. terhadap orang yang bersesak-sesak dan bersusah payah mendapatkan kebaikan dan kelebihan. (16) Membuat halaqah dalam majlis ilmu dan sebagainya adalah salah satu sunnah Nabi s.a.w. (17) Rasulullah s.a.w. selalu menyampaikan ajarannya di dalam masjid. Untuk menyampaikan sesuatu yang agak penting, Baginda selalunya berucap di atas mimbar. (18) Para sahabat adalah generasi pertama yang menerima ajaran Rasulullah s.a.w. Mereka secara amnya sangat setia dan sopan dalam menimba ilmu dari Rasulullah s.a.w. (19) Penyampaian Nabi s.a.w. tidak bersifat kaku dan sehalu. Baginda s.a.w. sering bertanya para hadhirin. Para hadhirin juga selalu bertanya Baginda s.a.w. (20) Keharusan menggunakan bahasa majaaz (bahasa pinjaman dan kiasan). Di dalam al-Qur'an dan hadits banyak sekali terdapat penggunaan bahasa majaaz. Untuk menggambarkan keadaan-keadaan tertentu, lebih sesuai digunakan bahasa majaaz berbanding bahasa biasa. (21) Menurut golongan Khalaf, penggunaan perkataan-perkataan sifat yang zahirnya merupakan sifat manusia atau sifat makhluk-makhluk Allah yang lain untuk Allah, merupakan bahasa majaaz yang perlu dita'wil sesuai dengan qaedah bahasa 'Arab dan prinsip-prinsip 'aqidah Islam. Golongan Salaf pula tidak menta'wilkannya. Mereka sebaliknya mengisbatkan (menerima) ma'na zahirnya dan menyerahkan ma'na sebenarnya kepada Allah dalam keadaan mempercayainya sebagai sifat Allah yang sempurna, yang layak bagiNya, yang tidak menyerupai mana-mana makhlukNya.

455 - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ عَنْ مَالِكٍ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ عَبَّادِ بْنِ تَمِيمٍ عَنْ عَمِّهِ أَنَّهُ رَأَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُسْتَلْقِيًا فِي الْمَسْجِدِ وَاضِعًا إِحْدَى رِجْلَيْهِ عَلَى الْأُخْرَى وَعَنِ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ قَالَ كَانَ عُمَرُ وَعُثْمَانُ يَفْعَلَانِ ذَلِكَ

455- 'Abdullah bin Maslamah meriwayatkan kepada kami daripada Malik daripada Ibni Syihab daripada 'Abbaad bin Tamim daripada bapa saudaranya ('Abdullah bin Zaid bin 'Aashim al-Maazini r.a.), bahawa beliau ('Abdullah bin Zaid bin 'Aashim al-Maazini r.a.) pernah melihat Rasulullah s.a.w. tidur terlentang di dalam masjid sambil meletakkan salah satu dari dua kakinya di atas (kakinya) yang satu lagi.⁷⁵⁶ Juga daripada Ibni Syihab daripada Sa'id bin Musaiyyab, katanya: "Umar dan 'Utsman selalu melakukan demikian."⁷⁵⁷

بَابُ الْمَسْجِدِ يَكُونُ فِي الطَّرِيقِ مِنْ غَيْرِ ضَرَرٍ بِالنَّاسِ وَبِهِ قَالَ الْحَسَنُ وَأَيُّوبُ وَمَالِكٌ

59- Bab (Hukum) Masjid Yang Dibina Di Tengah Jalan Tanpa Membahayakan Orang Ramai.⁷⁵⁸ Ia Harus Menurut Al-Hasan, Ayyub Dan Malik.⁷⁵⁹

⁷⁵⁶ Selain di sini Imam Bukhari mengulang sebut hadits ini pada dua tempat lain, iaitu: (1) Di dalam كتاب الاستئذان dan (2) Di dalam كتاب اللباس. Muslim, Abu Daud, Tirmizi dan Nasaa'i juga meriwayatkannya di dalam kitab mereka masing-masing. Menurut Ibnu Batthaal dan Khatthaabi, hadits inilah yang memansuhkan hadits-hadits larangan yang tersebut di dalam nota sebelum ini. Ia disokong oleh atsar 'Umar dan 'Utsman yang mengiringinya. Kalau di dalam masjid pun Rasulullah s.a.w. telah tidur terlentang dengan menyilangkan kakinya, di luar masjid atau di tempat-tempat lain lebih-lebih lagi ia boleh dilakukan. Tujuan Bukhari menyusulkan hadits ini dengan atsar 'Umar dan 'Utsman ialah untuk menghapuskan kekeliruan tentang khususnya perbuatan seperti itu untuk Rasulullah sahaja. **Antara pengajaran dan panduan** yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Hadits ini menyatakan keharusan tidur terlentang di dalam masjid sama ada dengan berlunjur atau dengan meletakkan sebelah kaki di atas lutut yang diperdirikan. (2) Hadits ini juga menunjukkan keharusan tidur atau berehat di dalam masjid dengan pelbagai cara. (3) Segala perbuatan Nabi s.a.w. harus dijadikan ikutan dan panduan untuk amalan kecuali yang khusus dengan beliau. (4) Untuk mengetahui sama ada sesuatu perbuatan Nabi s.a.w. itu khusus dengannya atau tidak, perlulah dilihat pula perbuatan para sahabat sepeninggalan Baginda s.a.w. (5) Perbuatan sahabat besar Rasulullah s.a.w. terutamanya al-Khula' ar-Rasyidun merupakan sebab tarjih yang kuat. (6) Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya sangat mesra dengan masjid. Selain beribadat, bermesyuarat dan lain-lain di dalam masjid, mereka juga sering berehat dan tidur di dalamnya.

⁷⁵⁷ Maksudnya ialah dengan isnad yang sama juga Bukhari meriwayatkan daripada Ibni Syihaab daripada Sa'id bin Musaiyyab bahawa ... Dengan itu atsar ini tidak harus dikatakan mu'allaq. Ia bahkan maushul dengan sanad hadits di atas juga, lantaran yang tersebut sebelum Ibni Syihaab itu merupakan maushul. Ma'thuf 'alaihnya ialah Ibni Syihaab yang tersebut di dalam isnad hadits sebelumnya. Hakikat ini disokong oleh riwayat Abu Daud di dalam Sunannya, juga daripada 'Abdullah bin Maslamah al-Qa'nabi daripada Malik daripada Ibni Syihaab. Di dalam Muattha' Imam Malik juga tersebut demikian.

⁷⁵⁸ Hasil penelitian terhadap tulisan pengkaji-pengkaji Sahih Bukhari dapat di simpulkan maksud beliau mengadakan tajuk bab ini. Ia antara lainnya bermaksud membantangkan lima perkara berikut: (1)